



AZAM

PENGANUGERAHAN PROJEK BERNILAI RM4 JUTA

SPRM terima dokumen siasatan dalaman DBKL

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengenal pasti sama ada wujud elemen kesalahan berunsur rasuah dan tadbir urus dalam isu penganugerahan projek bernilai RM4 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya menerima dokumen hasil daripada siasatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berhubung perkara terbabit.

“Dokumen itu sudah pasti berhubung dengan mesyuarat dan sebagainya. SPRM sedang mengkaji maklumat ini untuk melihat kepada dua isu sahaja iaitu sama ada berlaku isu jenayah di bawah Akta SPRM 2009 dan isu governan.

“Kami mendapat kerjasama baik daripada DBKL khususnya Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif,” katanya pada sidang me-

dia di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Azam berkata, siasatan akan dijalankan berdasarkan maklumat yang diterima dan pihaknya akan memberikan perkembangan terkini selewat-lewatnya Isnin ini sekiranya wujud isu jenayah atau salah laku tata kelola.

“Saya juga mengarahkan Bahagian Penyiasatan Tatakelola untuk memulakan penyiasatan. Saya beri jaminan kalau berlaku kedua-dua unsur ini (jenayah dan tata kelola) kami akan menjalankan siasatan segera,” katanya.

Katanya, setakat ini SPRM belum membuka kertas siasatan dan tidak memanggil mana-mana individu untuk memberikan keterangan.

“Kita juga memberi masa kepada DBKL untuk menjalankan siasatan dalaman dan pegawai SPRM juga ditempatkan di DBKL sejak tahun lalu,” katanya.